




Sejarah Perkembangan Seni Khat di Nusantara



SENI kaligrafi Islam atau lebih sinonim dengan nama seni khat merupakan khazanah seni tulisan tertua yang dimiliki oleh umat Islam. Perkembangan Islam yang tersebar ke seluruh pelosok dunia menyaksikan kaligrafi Islam teradaptasi dengan perubahan yang berlaku tanpa menghilangkan ciri dan nilai Islam itu sendiri.

Bentuk kesenian ini berasaskan tulisan Arab yang digunakan oleh orang Islam yang menegah persembahkan Tuhan dengan menggunakan gambar. Sistem tulisan Arab ini merupakan wadah yang mengungkap makna bahasa al-Quran dan menjadi penzahiran perasaan bagi mengagungkan Yang Maha Pencipta. Malahan seluruh keindahan serta

kecanggihan seni serta penulisan khat memaparkan konsep keindahan dan kecanggihan ciptaan Tuhan.

Penulisan ayat-ayat al-Quran serta hadis telah bermula pada zaman Nabi Muhammad SAW di tanah suci, khususnya di kota suci Mekah dan Madinah. Namun begitu, penulisan khat yang pertama dipercayai dihasilkan di Kufah, Iraq pada kurun

ketujuh, yakni sekurun dengan zaman dewasa serta dakwah Baginda SAW. Penghasilan tulisan yang tidak bercantum dan indah ini dinisbahkan kepada kota Kufah, maka stail kaligrafi ini dinamakan sebagai Khat Kufi. Tulisan yang tidak mempunyai titik atau baris ini menggunakan dua kaedah penulisan, iaitu sama ada ditulis secara bebas dan dikenali sebagai *tabrir* atau ditulis secara geometri yang digunakan hingga kurun ke-12.

Namun demikian, ada juga pendapat ahli sejarah yang mengatakan bahawa tulisan Arab berasal dari al-Nabati, iaitu kawasan yang terletak di utara Semenanjung Tanah Arab. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat beberapa kesan sejarah yang ditulis dengan menggunakan khat Arab *qadim* (lama) yang hampir sama dengan Khat al-Nabati.

Pada kurun ke-10, seni kaligrafi Islam tersebar ke Parsi dengan gabungan huruf secara lebih berseni. Seni khat ini terdiri daripada beberapa jenis, seperti Khat Kufi, Nasakh, Ijazah, Farisi, Diwani, Diwani Jali, Thuluth dan Riq'ah. Namun begitu, Khat Nasakh dijadikan asas dalam mempelajari sistem tulisan Arab pada waktu itu yang kemudiannya turut digunakan oleh Alam Melayu sebelum dipertingkatkan dengan sistem tulisan khat yang lain. Pada kurun ke-16 dan ke-17, seni khat menjadi wadah terpenting dalam menyampaikan mesej diplomatik. Seni ini telah diperkenalkan semasa era Sultan Sulaiman al-Qanuni di Wilayah Turki oleh Husam Rumi.

Khat Kufi dikatakan sebagai khat yang terkenal di dunia. Khat Kufi digunakan dalam al-Quran selama tiga kurun kerana sistem khat ini tidak banyak mengalami perubahan semasa menjadi asas sebagai tulisan dalam naskhah al-Quran. Perkembangan tulisan Arab selaras dengan perubahan zaman memperhebatkan lagi pelbagai gaya khat bagi mengindahkan seni

tulisan tersebut. Tujuan utama penulisannya bukan sekadar untuk mendokumentasikan urusan rasmi kerajaan, malah menjadi hiasan pada dinding masjid, bangunan kerajaan dan menjadi tulisan rahsia Kerajaan Turki Uthmaniyah dalam menyampaikan maklumat dan rahsia kerajaan pada ketika itu.

Pada awal perkembangan seni khat, sejenis pokok yang batangnya dipotong tirus dicelup dengan cecair dakwat. Tulisan ini ditulis pada kepingan kulit tamar, kulit kambing yang dikeringkan mahupun daun papirus yang dijadikan kertas. Apabila seni ini tiba di Alam Melayu, masyarakat pada ketika itu menggunakan batang pokok resam untuk menulis khat. Kaedah yang sama digunakan dengan batang pokok resam sebelum dilakarkan di atas daun lontar dan kemudiannya kertas, seiring dengan perkembangan alatan penulisan di Nusantara. Logo ikonik Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengandungi elemen kedua-dua batang resam serta daun lontar ini.

Kini, seni khat bukan sahaja terlakar pada kepingan kertas, tetapi juga pada kepingan cermin, batu, tembikar, besi dan mimbar masjid. Nafas baharu dalam penghasilan seni khat ini secara tidak langsung meningkatkan martabat seni khat sebagai unsur seni yang begitu tinggi nilainya. Misalan bagi perkembangan ini, menjelang kurun ke-10, orang Parsi yang memeluk Islam mula menyulam tulisan pada kain sutera bercorak atau beragi. Tekstil bersulamkan tulisan khat pada waktu itu mempunyai nilai yang tinggi sehinggakan tentera Salib membawa tekstil ini pulang ke Eropah sebagai barangan bernilai. Ada juga kain yang digunakan untuk membungkus tulang Saint Josse di biara Saint Josse-sur-Mer di Perancis. Kain kapan ini dinamakan sebagai "*Shroud of Saint Josse*".

Sebelum tersebaranya Islam di Tanah Melayu, masyarakat setempat

berada di bawah jajahan Srivijaya, iaitu sebuah kerajaan Buddha yang berpusat di Sumatera. Keseluruhan jajahan kerajaan tersebut yang merangkumi Tanah Melayu, Kepulauan Borneo, Selatan Pattani dan beberapa buah kepulauan Nusantara menggunakan bahasa Sanskrit dengan tulisan Pallava dan Kawi yang dibawa dari India. Buktinya, catatan sejarah ada menjelaskan bahawa tulisan Melayu dalam tulisan Pallava telah ditemukan di Kepulauan Bangka pada sekitar kurun ketujuh. Sementara itu, bahasa masyarakat Bugis, Makassar dan Mandar pula menggunakan tulisan Lontara.

Terdapat beberapa pendapat tentang perkembangan Islam di Tanah Melayu. Islam dikatakan telah berkembang di Tanah Melayu sebelum abad ke-14 berdasarkan penemuan beberapa artifak seperti Batu Bersurat Terengganu bertarikh 22 Februari 1303. Hamka, Fatimi dan Arnold pula berpendapat bahawa Islam mula bertapak di Tanah Melayu seawal kurun ketujuh Masihi. Hal ini berdasarkan siri penemuan berikut yang semuanya direkodkan dari kurun Masihi: Syiling dari zaman pemerintahan Kerajaan Bani Abbasiyah bertarikh 848 di Kedah, batu bersurat bertulisan Arab bertarikh 1035 dan batu nisan bertarikh 1039.

Saya berpendapat bahawa pelaut Arab pada zaman Nabi SAW telah berulang-alik dari dunia Arab ke pelabuhan China sekian lama dengan transit di beberapa pelabuhan di Alam Melayu, seperti utara Sumatera atau Aceh dan Kedah di Semenanjung Tanah Melayu. Sudah tentu mereka membawa bersama-sama agama Islam apabila pelaut ini menukar anutan syirik Arab kepada agama Islam yang universal. Namun begitu, masyarakat tempatan umat Islam hanya berkembang pesat pada kebanyakan dasawarsa ataupun kurun kemudian sehingga melahirkan kesultanan

Islam yang besar di kebanyakan tempat di Nusantara.

Masyarakat di Nusantara menggunakan tulisan Jawi sebagai tulisan utama sebelum kehadiran penjajah. Antara kerajaan terawal yang menggunakan tulisan ini pada ketika itu ialah Kerajaan Melayu Kelantan, Melaka, Pattani, Sulu, Jawa, Sunda dan Aceh. Kitab pengajian di pondok ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi bagi melengkapkan ilmu dalam bidang fiqah, tauhid, tasawuf dan nahu sehinggalah tulisan rumi hadir bagi menggantikan tulisan Jawi sebagai tulisan utama. Perkataan Jawi itu sendiri berasal daripada perkataan al-Jawi, iaitu perkataan yang digunakan oleh orang Arab untuk menggambarkan keadaan Kepulauan Melayu dan penduduknya. Pembaharuan dan evolusi yang berlaku dalam tulisan Arab telah mempengaruhi gaya dan jenis tulisan seni khat. Tambahan lagi, apabila Islam dikembangkan ke seluruh rantau Arab, Eropah, Afrika, Hindi, China dan Asia Tenggara, aksara dan perkataan Arab turut mempengaruhi penulisan dan pertuturan seharian masyarakat.

Pada awal ketibaannya di Tanah Melayu, tulisan Jawi merupakan perantara penting dalam semua urusan pentadbiran kerajaan, adat istiadat mahupun urusan perdagangan. Masyarakat pada ketika itu telah membuat sedikit pengubahsuaian dan penambahan huruf bagi menyesuaikan gaya bahasa tempatan. Perkembangan tulisan Jawi dan seni khat seterusnya bertujuan untuk menerapkan dan memperkukuh elemen warisan kebangsaan, selaras dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Kewujudannya diperkasakan agar kekal menjadi perlambangan dalam citra kehidupan rakyat Malaysia dan sebagai ilmu yang boleh dikongsikan

dengan semua kaum yang menjadi satu budaya kebangsaan.

Syed Muhammad Naquib al-Attas menerusi karyanya, *Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972), menjelaskan bahawa huruf mengikut corak huruf Arab memang lazim dalam sesuatu bangsa bukan Arab yang telah memeluk agama Islam. Hal ini turut mempengaruhi bahasa Melayu yang mengalami revolusi, apatah lagi setelah perbendaharaan kata Melayu ditambah dengan istilah bahasa Arab dan Farsi. Setelah itu, bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar utama di Kepulauan Melayu-Indonesia dalam bidang sastera, agama dan sains. Hal ini membuktikan bahawa tulisan Jawi dan khat merupakan suatu elemen seni budaya yang mengangkat citra peradaban tamadun Islam di Nusantara.

Tulisan Jawi dan seni khat mempunyai signifikan yang amat besar dalam sejarah bangsa dan negara kita. Jawi dan khat merupakan lapangan interaksi intelek Melayu pada suatu masa dahulu. Pada hari ini, tulisan Jawi dan seni khat perlu dikuasai oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat dunia amnya. Hal ini penting bagi membudayakan tulisan al-Quran, mengembalikan kegemilangan tamadun seni Islam, serta mengangkat generasi baharu yang melazimi tulisan Jawi.

Pada masa yang sama, interaksi antara saya dengan beberapa orang pemimpin masyarakat di Malaysia yang bukan beragama Islam menunjukkan bahawa perbincangan serta penerangan yang telus tentang tulisan khat serta Jawi dapat menolak silap faham tentangnya. Semasa saya diamanahkan sebagai Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, pernah kami dari DBP meraikan sekitar 15 orang aktivis siasah dan wakil rakyatnya yang berbilang kaum pada 3 September 2019. Mereka mengunjungi DBP untuk mengetahui

secara lebih mendalam tentang DBP serta tulisan Jawi dan khatnya. Sewaktu perbincangan yang mesra, saya telah membincangkan perkara ini dengan menggunakan 10 slaid Power Point. Saya telah meminta staf DBP untuk menyiapkan hanya 10 slaid – lima tentang DBP dan lima tentang Jawi. Saya juga telah meminta staf DBP menyiapkan slaid terakhir yang mengandungi secara rambang empat nama pengunjug berketurunan Cina dan seorang berketurunan India yang ditulis dalam tulisan Jawi. Apabila para tetamu DBP ini melihat nama rakan-rakan Cina dan India ditaip dalam tulisan Jawi, majlis semakin menjadi meriah. Inilah kali pertama dalam hidup mereka melihat nama mereka ditulis dalam tulisan Jawi. Mereka berasa amat teruja.

Sekonyong-konyong seorang politikus berketurunan Cina berkata lebih kurang begini: “Kalau begitu, saya boleh menulis Tao Te Ching dalam tulisan Jawi dan dibingkaikan cantik-cantik...”

Dengan spontan saya pun menyahut: “Boleh, Encik Wong (bukan namanya), kita boleh tulis dengan Jawi. Ta-Alif-Wau bagi Tao. Ta bagi Te. Ca-Ya-Nga bagi Ching.” Itulah transliterasi Cina-Melayu yang dapat saya fikirkan pada ketika itu. Majlis terus bertambah meriah dan mesra dengan ilmu. Bagi setiap tetamu, mereka dibekalkan bingkisan hadiah daripada DBP. Antara kandungan bingkisan tersebut ialah sekeping poster kecil peribahasa Melayu yang ditulis dalam Jawi dengan tulisan khat yang indah. □

